

Tahap Komunikasi Murid Tingkatan Dua dengan Bapa dan Ibu: Satu Kajian Kes

Abd. Aziz Mahayudin
(Jabatan Bahasa Arab)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap komunikasi murid tingkatan dua dengan bapa dan ibu. Sampel kajian seramai 80 orang murid, yang terdiri daripada 41 murid lelaki dan 39 murid perempuan dari sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan. Instrumen Pengukuran Komunikasi 'O'Donnell dan Clayton yang mengukur tahap komunikasi yang berkaitan dengan sekolah, rakan, rancangan pendidikan dan kerjaya, penggunaan masa lapang, perbelanjaan wang saku, isu-isu semasa, masalah peribadi, kawan berlainan jantina, hal keagamaan, kebolehan diri dan peraturan dan tanggung jawab di rumah digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati murid-murid lelaki menerima tahap komunikasi yang tinggi dengan bapa mereka dalam perkara yang berkaitan dengan sekolah, rakan, rancangan pendidikan dan kerjaya, penggunaan masa lapang, perbelanjaan wang saku, hal keagamaan, kebolehan diri, peraturan dan tanggungjawab di rumah. Manakala murid perempuan berkomunikasi tinggi dengan bapa mereka dalam perkara berkaitan dengan sekolah, rancangan pendidikan dan kerjaya, penggunaan masa lapang, perbelanjaan wang saku, hal keagamaan, kebolehan diri, peraturan dan tanggungjawab di rumah. Murid lelaki berkomunikasi tahap sederhana dalam perkara yang berkaitan dengan isu-isu semasa, masalah peribadi, dan mengenai kawan-kawan berlainan jantina manakala selainnya pada tahap tinggi. Murid-murid perempuan berkomunikasi sederhana dalam perkara yang berkaitan dengan isu semasa dan rakan berlainan jantina manakala selainnya pada tahap tinggi.

ABSTRACT

The research was designed to explore the level of communication of Form Two students with their parents. The study also aimed to verify whether there were any significant differences in the level of communication with their fathers and the level of communication with their mothers. The sample consisted of 80 students, 41 male and 39 female from Sekolah Menengah Kebangsaan, Jalan Kebun, Klang, Selangor. "The O'Donnell and Clayton Parent-Adolescent Communication" questionnaire was used as instrument to measure the level of communication in matters pertaining to school, friends, future education and career, time, pocket money, personal problem, friends of difference gender, religion, self ability and, rules and responsibility at home. The findings of the research showed that male students communicated at a high level with their fathers in matters involving school, friends, future education and career, time, pocket money, religion, self ability, rules and responsibility at home while female

students communicated at a high level in matters pertaining school, friends, future education and career, time, pocket money, religion, self ability, and, rules and responsibility at home. In terms of communication with their mothers, male students reported a high level of communication in matters related to school, friends, future education and career, time, pocket money, religion, self ability, and rules and responsibility at home. Female students, reported a high level of communication with their mothers in terms of school, friends, future education and career, time, pocket money, personal problem, religious, self ability, rules and responsibility at home.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian terhadap komunikasi anak dengan ibu bapa memberi fokus terhadap keupayaan dalam komunikasi tersebut. Ibu bapa yang berupaya berkomunikasi dengan baik bersama anak-anak mereka akan dapat membentuk sikap positif yang boleh membantu mereka membentuk persepsi dan tingkah laku yang positif. Hal ini dapat dilihat apabila komunikasi ibu bapa dengan para remaja dianggap baik, keluarga itu lebih rapat, lebih mempunyai kasih sayang dan lebih fleksibel dalam menyelesaikan permasalahan keluarga (Barnes & Olson, 1985). Sebaliknya bagi ibu bapa yang gagal berkomunikasi dengan baik bersama dengan anak-anak mereka, berkemungkinan akan membawa kepada kesan negatif terhadap perkembangan diri dan tingkah laku anak-anak.

Dalam menangani situasi ini, setiap ibu bapa perlu memahami konsep pembangunan keluarga yang menekankan perkembangan setiap individu (anak-anak) secara menyeluruh supaya potensi mereka boleh ditingkatkan secara optimum. Kestabilan keluarga terdedah kepada cabaran yang berlaku di sekeliling keluarga. Hakikat ini dapat dilihat oleh Mad Daluis Sadini (1990), di mana beliau berpendapat bahawa di antara faktor yang menyebabkan berlakunya konflik serta menjejaskan keharmonian dan ketulenan kasih sayang keluarga ialah cabaran dari kestabilan keluarga, cabaran dari gaya keibubapaan, dan cabaran dari kemampuan berkomunikasi. Dari perspektif ini, Hall (1987), telah mengenal pasti punca berlakunya konflik di antara ibu bapa dan anak-anak adalah disebabkan oleh perkara-perkara seperti gaya asuhan ibu bapa, tekanan rakan sebaya, kemahiran berkomunikasi, konflik suami isteri, penyalahgunaan dadah, persekolahan dan seksual. Oleh itu kemahiran komunikasi yang baik perlu diberikan keutamaan oleh ibu bapa dalam proses memberi asuhan kepada anak-anak mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam kehidupan masyarakat yang kompleks pada hari ini, masalah keruntuhan akhlak dan tingkah laku yang negatif semakin meruncing dalam kalangan remaja. Masalah ini perlu diberi perhatian yang serius dan sewajarnya oleh semua pihak. Peringkat umur remaja adalah satu masa yang penting dalam pembentukan identiti dan persepsi kerana di tahap ini berlaku satu pertumbuhan fizikal, emosi dan psikologi yang pesat. Pada tahap ini para remaja tetap memerlukan perhatian dan asuhan, khususnya dari ibu bapa mereka.

Apa yang menjadi persoalan dan perhatian masyarakat pada hari ini, banyak laporan memperkatakan kurangnya kawalan ibu bapa dan interaksi mereka dengan anak-anak menjadi punca keruntuhan akhlak remaja sekarang. Dalam konteks ini, jika anak-anak tidak dapat berinteraksi bersama ibu dan bapa dengan sempurna, berkemungkinan akan timbul berselisihan pendapat dan menyebabkan anak-anak mencari sesuatu kepuasan di luar rumah. Persoalan ini telah dikaitkan sebagai menjadi salah satu punca utama terjadinya fenomena keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja. Ibu bapa seringkali dipersalahkan jika mereka gagal untuk memberi didikan sewajarnya kepada anak-anak mereka.

Banyak kajian mengaitkan punca komunikasi yang kurang dan tidak wujud dalam keluarga boleh menyebabkan berlaku konflik dan salah faham antara remaja dengan ibu bapa. Kajian Siti Nora Yaacob et al. (1994), mendapati kumpulan remaja yang bermasalah moral mempunyai tahap komunikasi yang rendah berbanding remaja yang tidak bermasalah moral.

Keengganan ibu bapa untuk berbincang dari beberapa aspek yang berkait dengan masalah dan isu-isu peribadi bersama dengan anak mereka boleh menyebabkan para remaja menganggap ibu bapa mereka tidak mengambil berat dan membelakangkan keperluan hidup diri mereka secara keseluruhan dan boleh menyebabkan para remaja mencari kepuasan di luar rumah dan melibatkan diri dengan gejala yang tidak sihat. Dapatan kajian lepas menguatkan lagi betapa pentingnya komunikasi antara anak dengan ibu bapa, antaranya kajian Noller dan Bagi (1985), mendapati remaja lelaki dan perempuan cenderung untuk berkomunikasi dengan ibu berbanding dengan bapa dalam kebanyakan bidang yang dikemukakan dalam soal selidik mereka. Kajian Siti Nora et al. (1994), mendapati kumpulan remaja yang bermasalah moral mempunyai tahap komunikasi yang lebih rendah dengan ibu bapa berbanding dengan remaja yang tidak bermasalah moral, dan kajian Che Radziah Yaacob (1992), mendapati remaja yang mempunyai ibu yang bekerja menyatakan tahap komunikasi dengan ibu mereka adalah tinggi iaitu 62% manakala untuk remaja yang mempunyai tahap komunikasi yang rendah dengan ibu ialah 38%. Bagi kumpulan remaja yang ibunya tidak bekerja pula mempunyai tahap komunikasi yang tinggi iaitu 56% manakala bagi remaja yang ibunya bekerja menyatakan tahap

komunikasi rendah iaitu 44%. Bertitik tolak dari masalah inilah mendorong pengkaji ingin melihat tahap komunikasi anak remaja dengan ibu dan bapa di rumah.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan umum kajian ini ialah untuk melihat persepsi murid sekolah Menengah tentang pola dan tahap komunikasi ibu bapa. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti tahap komunikasi ibu bapa dengan anak-anak. Secara khususnya, objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap komunikasi murid Tingkatan Dua dengan bapa dan ibu mengikut jantina.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah tahap komunikasi murid lelaki Tingkatan Dua dengan bapa.?
2. Apakah tahap komunikasi murid perempuan Tingkatan Dua dengan bapa.?
3. Apakah tahap komunikasi murid lelaki Tingkatan Dua dengan ibu.?
4. Apakah tahap komunikasi murid perempuan Tingkatan Dua dengan ibu.?

BATASAN KAJIAN

kajian yang dijalankan ini adalah terbatas kepada populasi murid Tingkatan Dua yang sedang menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun, Klang, Selangor, sekolah luar bandar. Kajian yang hendak dijalankan ini hanya mengkaji persepsi murid Tingkatan Dua di sebuah Sekolah Menengah yang berkaitan dengan 11 perkara tahap komunikasi yang terdapat dalam instrumen pengukuran komunikasi O'Donnell dan Clayton(1979) sahaja.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini akan menerangkan metodologi kajian yang merangkumi reka bentuk kajian, instrumen, populasi dan sampel dan kajian rintis.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan yang menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data. Kaedah tinjauan dipilih kerana ia dapat di generalisasikan kepada populasi kajian yang ditentukan.

Instrumen Kajian

Untuk mendapatkan data dari responden pengkaji telah menyediakan satu soal selidik yang mengandungi 3 bahagian : Bahagian A adalah maklumat tentang jantina responden, Bahagian B adalah instrumen komunikasi murid dengan bapa dan Bahagian C adalah instrumen komunikasi murid dengan ibu. Instrumen Komunikasi O'Donnell dan Clayton (1979) telah dipilih dalam kajian ini kerana alat ini telah diguna pakai dan diuji kebolehpercayaannya oleh beberapa pengkaji tempatan. Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dijalankan oleh Che Radziah (1992) mendapati nilai kebolehpercayaan adalah 0.76, kajian Zaida (1990) ke atas komunikasi ibu-anak mendapati nilai kebolehpercayaan adalah 0.92 dan untuk komunikasi bapa-anak pula ialah 0.93. Sementara kajian yang telah dijalankan oleh Zakila (1991), mendapati kebolehpercayaan instrumen mengukur tahap hubungan komunikasi ibu-anak ialah 0.73 dan untuk komunikasi bapa-anak pula ialah 0.71.

Instrumen ini mengandungi 11 item yang mengandungi aspek persekolahan, rakan, rancangan pendidikan dan kerjaya, masa lapang, wang saku, isu semasa, masalah peribadi, rakan berlaian jantina, hal agama, kebolehan diri dan peraturan dan tanggung jawab di rumah. Setiap responden perlu menjawab sama ada “selalu”, “kadang-kala” dan “tidak pernah”. Skor 1 bagi “tidak pernah”, 2 bagi “kadang-kala” dan 3 bagi “selalu”. Jumlah skor tertinggi yang boleh diperolehi oleh responden ialah 33 dan skor yang terendah ialah 11. Untuk menentukan tahap pencapaian komunikasi skor akan di ukur dengan berpandukan kepada jadual interpretasi skor peratusan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Intepretasi tahap komunikasi

Skor Peratusan	Interpretasi Skor Peratus
0 hingga 33	Rendah
34 hingga 66	Sederhana
67 hingga 100	Tinggi

Populasi dan Sampel kajian

Persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan rawak mudah dengan menggunakan murid-murid Tingkatan Dua sebagai sasaran populasi kajian. Jumlah murid Tingkatan Dua adalah seramai 360 orang Pengkaji merujuk kepada jumlah yang boleh digunakan dalam kajian tinjauan di mana Gay, (1992) dan Roscoe, (1975) berpendapat 20 peratus adalah sesuai bagi populasi yang kecil. Dengan itu

seramai 72 orang murid diperlukan untuk sampel dari populasi 360 orang murid Tingkatan Dua. Untuk mengelakkan kemungkinan responden menarik diri, pengkaji memilih sejumlah 81 orang murid. Tetapi seorang murid menarik diri kerana tidak dapat memberi respon di bahagian komunikasi bapa kerana bapanya telah meninggal dunia yang muktamadnya seramai 80 orang murid dengan lelaki seramai 41 orang dan perempuan 39 orang menjadi sampel dalam kajian ini.

Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan kepada murid Tingkatan Dua di Sekolah yang sama tetapi tidak terlibat dengan kajian sebenar. Seramai 20 orang murid Tingkatan Dua telah berikan soal selidik. Hasil kajian rintis pengkaji telah mendapati nilai pekali 'Cronbach alpha' bagi komunikasi anak dengan bapa ialah 0.64 manakala bagi komunikasi anak dengan ibu ialah 0.76. Nilai ini dianggap boleh diterima kerana menurut Aiken (2000), nilai pekali kebolehppercayaan yang diterima adalah di antara 0.60 hingga 0.70.

DAPATAN KAJIAN

Persoalan kajian pertama dan kedua

Apakah tahap komunikasi murid lelaki dan murid perempuan Tingkatan Dua dengan bapa?

Jadual 2 Tahap kekerapan dan peratus komunikasi murid lelaki dan perempuan dengan bapa

Bil.	Item yang dikomunikasikan	Komunikasi Murid Lelaki dan Perempuan dengan Bapa (Kekerapan dan Peratus)					
		Tidak Pernah		Kadang kala		Selalu	
		L	P	L	P	L	P
1	Perkara berkaitan dengan sekolah	4 (9.8)	6 (15.4)	31 (75.6)	24 (61.5)	6 (14.6)	9 (23.1)
2	Perkara berkaitan dengan rakan	11 (26.8)	14 (35.9)	28 (68.3)	22 (56.4)	2 (4.9)	3 (7.7)
3	Rancangan pendidikan dan Kerjaya	7 (12.1)	11 (28.2)	23 (56.1)	18 (46.2)	11 (26.8)	10 (25.6)
4	Penggunaan masa lapang	8 (19.5)	8 (20.5)	24 (58.5)	20 (51.3)	9 (22.0)	11 (28.2)
5	Perbelanjaan wang saku	5 (12.2)	9 (23.1)	30 (73.2)	19 (48.7)	6 (14.6)	11 (28.2)
6	Isu-isu semasa	24 (58.5)	26 (66.7)	14 (34.1)	11 (28.2)	3 (7.3)	2 (5.1)

Tahap Komunikasi Murid Tingkatan Dua dengan Bapa dan Ibu. Satu Kajian Kes

7	Masalah peribadi	23 (56.1)	24 (61.5)	15 (36.6)	14 (35.9)	3 (7.3)	1 (2.)
8	Mengenai kawan berlainan jantina	27 (65.9)	20 (51.3)	12 (29.3)	13 (33.3)	2 (4.9)	6 (15.4)
9	Hal keagamaan	1 (2.4)	6 (15.4)	24 (58.5)	18 (46.2)	16 (39.0)	15 (38.5)
10	Kebolehan	6 (14.6)	4 (10.3)	21 (51.2)	28 (71.8)	14 (34.1)	7 (17.9)
11	Peraturan dan tanggungjawab di rumah	6 (14.6)	6 (15.4)	20 (48.8)	15 (38.5)	15 (36.6)	18 (46.2)

Untuk mengetahui secara keseluruhan tahap komunikasi murid lelaki dan perempuan dengan bapa mereka berasaskan kepada perkara-perkara yang dikomunikasikan adalah berdasarkan kepada interpretasi skor peratus tahap komunikasi sebagaimana dalam Jadual 3.

Jadual 3 Taburan tahap komunikasi murid lelaki dan perempuan dengan bapa

Bil.	Item yang dikomunikasikan oleh murid	Tahap Komunikasi Murid dengan Bapa				Tahap Komunikasi Murid mengikut Jantina	
		Tidak Pernah (TP)	Kadang kala (KK)	Selalu (S)	Kekera pan & % KK dan S	L	P
1	Perkara berkaitan dengan sekolah	10 (12.5)	55 (68.8)	15 (18.8)	70 (87.6)	(92) T	(84.6) T
2	Perkara berkaitan dengan rakan	25 (31.3)	50 (62.5)	5 (6.3)	55 (68.8)	(73.2) T	(64.1) S
3	Rancangan pendidikan dan Kerjaya	18 (22.5)	41 (51.3)	21 (26.3)	62 (77.6)	(82.9) T	(71.8) T
4	Penggunaan masa lapang	16 (20.0)	44 (55.0)	20 (25.0)	64 (80)	(80.5) T	(79.5) T
5	Perbelanjaan wang saku	14 (17.5)	49 (61.3)	17 (21.3)	66 (82.6)	(87.8) T	(76.9) T
6	Isu-isu semasa	50 (62.5)	25 (31.3)	5 (6.3)	30 (37.6)	(41.4) S	(33.3) R
7	Masalah peribadi	47 (58.8)	29 (36.3)	4 (5.0)	33 (41.3)	(43.9) S	(38.5) S
8	Mengenai kawan-kawan berlainan jantina	47 (58.8)	25 (31.3)	8 (10.0)	33 (41.3)	(34.2) S	(48.7) S
9	Hal keagamaan	7 (58.8)	42 (52.5)	31 (38.8)	73 (91.3)	(97.5) T	(84.7) T

10	Kebolehan	10 (12.5)	49 (61.3)	21 (26.3)	70 (87.6)	(85.3) T	(89.7) T
11	Peraturan dan tanggungjawab di rumah	12 (15.0)	35 (43.8)	33 (41.3)	68 (85.1)	(85.4) T	(84.7) T

Persoalan Kajian Ketiga dan Keempat

Apakah tahap komunikasi murid lelaki dan murid perempuan Tingkatan Dua dengan ibu.?

Jadual 4 Tahap kekerapan dan peratus komunikasi murid lelaki dengan ibu

Bil.	Item yang dikomunikasikan	Komunikasi Murid Lelaki dan Perempuan dengan Ibu (Kekerapan dan Peratus)					
		Tidak Pernah		Kadang kala		Selalu	
		L	P	L	P	L	P
1	Perkara berkaitan dengan sekolah	4 (9.8)	0 (0)	22 (53.7)	14 (35.9)	15 (36.6)	25 (64.1)
2	Perkara berkaitan dengan rakan	3 (7.3)	2 (5.1)	27 (65.9)	15 (38.5)	11 (26.8)	22 (56.4)
3	Rancangan pendidikan dan Kerjaya	4 (9.8)	5 (12.8)	21 (51.2)	20 (51.3)	16 (39.0)	14 (35.9)
4	Penggunaan masa lapang	7 (17.1)	3 (7.7)	20 (48.8)	23 (59.0)	14 (34.1)	13 (33.3)
5	Perbelanjaan wang saku	6 (14.6)	4 (10.3)	24 (58.5)	18 (46.2)	11 (26.8)	17 (43.6)
6	Isu-isu semasa	24 (58.5)	22 (56.4)	14 (34.1)	15 (38.5)	0 (0)	1 (2.6)
7	Masalah peribadi	20 (48.8)	8 (20.5)	13 (31.7)	22 (56.4)	8 (19.5)	9 (23.1)
8	Mengenai kawan berlainan jantina	17 (41.5)	11 (28.2)	17 (41.5)	21 (53.8)	7 (17.1)	7 (17.9)
9	Hal keagamaan	2 (4.9)	4 (10.3)	21 (51.2)	10 (25.6)	18 (43.9)	25 (64.1)
10	Kebolehan	8 (19.5)	4 (10.3)	14 (34.1)	23 (59.0)	19 (46.3)	12 (30.8)
11	Peraturan dan tanggungjawab di rumah	3 (7.3)	3 (7.7)	17 (41.5)	10 (25.6)	21 (51.2)	26 (66.7)

Untuk mengetahui tahap komunikasi murid-murid dengan ibu mereka, tahap peratusan bagi skor bagi tahap komunikasi dianalisis dan diinterpretasi seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Taburan tahap komunikasi murid lelaki dan perempuan dengan ibu

Bil.	Item yang dikomunikasikan oleh murid	Tahap Komunikasi Murid dengan Ibu					
		Tidak Pernah (TP)	Kadang kala (KK)	Selalu (S)	Kekerapan & % KK dan S	Tahap Komunikasi Murid mengikut Jantina	
						L	P
1	Perkara berkaitan dengan sekolah	4 (5.0)	36 (45.0)	40 (50.0)	76 (95.0)	(90.3) T	(100) T
2	Perkara berkaitan dengan rakan	5 (6.3)	42 (52.5)	33 (41.3)	75 (93.8)	(92..7) T	(94.9) T
3	Rancangan pendidikan dan Kerjaya	9 (11.3)	41 (51.3)	30 (37.5)	71 (88.8)	(90.2) T	(87.2) T
4	Penggunaan masa lapang	10 (12.5)	43 (53.8)	27 (33.8)	70 (87.6)	(82.9) T	(92.3) T
5	Perbelanjaan wang saku	10 (12.5)	42 (52.5)	28 (35.0)	70 (87.5)	(85.3) T	(89.8) T
6	Isu-isu semasa	47 (58.8)	29 (36.3)	4 (5.0)	33 (41.3)	(51.2) S	(41.1) S
7	Masalah peribadi	28 (35.0)	35 (43.8)	17 (21.3)	52 (65.1)	(51.2) S	(79.5) T
8	Mengenai kawan-kawan berlainan jantina	28 (35.0)	38 (47.5)	14 (17.5)	52 (65)	(58.6) S	(71.7) S
9	Hal keagamaan	6 (7.5)	31 (38.8)	43 (53.8)	74 (92.6)	(95.1) T	(89.7) T
10	Kebolehan	12 (15.0)	37 (46.3)	31 (38.8)	68 (85.1)	(80.4) T	(89.9) T
11	Peraturan dan tanggungjawab di rumah	6 (7.5)	27 (33.8)	47 (58.8)	74 (92.6)	(92.7) T	(92.3) T

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid lelaki berkomunikasi pada tahap yang tinggi dengan bapa mereka dalam perkara yang berkaitan dengan persekolahan, rakan, rancangan pendidikan dan kerjaya, penggunaan masa lapang, dan perbelanjaan wang saku, hal keagamaan, kebolehan diri dan peraturan serta tanggungjawab di rumah.

Murid lelaki berkomunikasi pada tahap sederhana sahaja dengan bapa mereka dalam isu-isu semasa, masalah peribadi dan rakan berlainan jantina. Berkemungkinan perkara tersebut agak sukar untuk dikomunikasikan antara anak lelaki dengan bapa. Dapatan kajian menyokong kajian Dubbe (1965), yang mendapati murid lelaki agak sukar berbincang dengan bapa dalam perkara hubungan dengan berlainan jantina (seksual, cumbuan, asmara, perkahwinan). Walau bagaimanapun dapatan dari kajian ini tidak menyokong kajian Noller dan Bagi (1985) yang mendapati remaja lelaki lebih banyak berkomunikasi dalam bidang minat, isu seksual dan persoalan umum. Murid perempuan menerima tahap komunikasi yang tinggi dengan bapa yang berkaitan dengan sekolah, rancangan pendidikan dan kerjaya, penggunaan masa lapang, penggunaan wang saku, hal keagamaan, kebolehan diri dan peraturan dan tanggungjawab di rumah.

Bagaimanapun murid perempuan berkomunikasi pada tahap sederhana sahaja dalam perkara yang berkaitan rakan-rakan, masalah peribadi, mengenai kawan-kawan berlainan jantina, dan dengan bapa mereka. Sementara itu bagi perkara yang berkaitan dengan isu semasa murid perempuan berkomunikasi pada tahap rendah dengan bapa mereka. Dapatan ini menunjukkan komunikasi mereka adalah sederhana dalam perkara yang agak sensitif untuk dibincangkan dengan bapa terutamanya tentang isu-isu semasa, di mana tahapnya adalah rendah. Berkemungkinan dapatan ini berbeza disebabkan komunikasi di antara anak perempuan dengan bapa agak terbatas berbanding dengan anak lelaki dengan bapa yang bersamaan jantina. Dapatan ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Dubbe (1965), yang mendapati murid perempuan agak sukar berbincang dengan bapa dalam perkara hubungan dengan berlainan jantina (seksual dan cumbuan,) dan dalam kajian Noller dan Bagi (1985) tentang isu seksual, minat dan isu persoalan umum.

Murid lelaki menerima tahap komunikasi yang tinggi dengan ibu mereka dari perkara yang berkaitan dengan persekolahan, rakan, rancangan pendidikan dan kerjaya, penggunaan masa lapang, dan perbelanjaan wang saku, hal keagamaan, kebolehan diri dan peraturan dan tanggungjawab di rumah. Bagaimanapun bagi perkara yang berkaitan dengan isu-isu semasa, masalah peribadi dan rakan berlainan jantina murid lelaki menerima tahap komunikasi sederhana sahaja dengan ibu mereka. Pada pendapat pengkaji, keadaan ini mungkin disebabkan perkara yang dibincangkan oleh murid lelaki berkait rapat dengan perkara yang sukar untuk dibincangkan dengan ibu mereka. Dapatan ini menyokong dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Dubbe (1965) yang mendapati remaja lelaki sangat sukar berkomunikasi dengan ibu dalam perkara seksual, cumbuan, dan perbuatan salah laku. Bagaimanapun dapatan kajian ini kurang menyokong dapatan kajian oleh Noller dan Bagi (1985) yang mendapati remaja lelaki lebih cenderung berkomunikasi dengan ibu dalam kebanyakan bidang isu sosial, minat, rol seksual, politik dan rancangan masa depan.

Murid perempuan menerima tahap komunikasi yang tinggi dengan ibu mereka dalam perkara yang berkaitan dengan sekolah, rakan-rakan, rancangan pendidikan dan

kerjaya, penggunaan masa lapang, penggunaan wang saku, masalah peribadi, mengenai kawan-kawan berlainan hal keagamaan, kebolehan diri dan peraturan dan tanggungjawab di rumah. Walau bagaimanapun dalam perkara yang berkaitan dengan isu semasa murid perempuan mendapat tahap komunikasi sederhana sahaja dengan ibu mereka. Dari dapatan yang dinyatakan oleh murid perempuan ini menunjukkan bahawa komunikasi mereka adalah kebanyakannya tahap tinggi kerana berkemungkinan mereka rasa selesa untuk berbincang dengan ibu mereka yang sama jantina. Begitu juga tentang isu-isu semasa, murid perempuan menerima tahap sederhana sahaja dengan ibu mereka. Dapatan ini tidak menyokong dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Dubbe (1965) yang mendapati remaja perempuan sangat sukar berkomunikasi dengan ibu dalam perkara seksual, cumbuan, berasmara, dan perbuatan salah laku.

Perbezaan hasil dapatan kajian ini menunjukkan ibu bapa mempunyai peranan mereka yang tersendiri dalam memikul tanggung jawab dalam sesebuah keluarga. Ibu dianggap sebagai orang yang paling rapat dan sering mendampingi anak-anak semasa berada di rumah. Bapa yang berperanan sebagai ketua dalam sesebuah institusi kekeluargaan sering kali dipertanggungjawab untuk bekerja mencari nafkah dan telah dianggap berkemungkinan kurang untuk berinteraksi dengan anak-anak di rumah berbanding dengan ibu.

Kajian ini juga memberikan satu implikasi tentang perlunya kesediaan ibu bapa untuk mewujudkan suasana dan ruang berkomunikasi pada tahap keberkesanan yang tinggi dengan anak mereka dalam seluruh aspek kehidupan. Ini kerana pada peringkat perkembangan awal, para remaja perlu melahirkan segala kehendak, desakan, perasaan dan masalah melalui perhubungan komunikasi terbuka di antara kedua ibu bapa mereka. Secara khususnya pihak yang dipertanggungjawabkan untuk sama-sama menangani persoalan ini ialah ibu, bapa, guru, kaunselor, dan ahli pendidikan boleh membantu remaja hari ini dalam mencari pendekatan yang boleh dilaksanakan secara berkesan.

Berdasarkan kepada dapatan kajian mengenai komunikasi murid dengan ibu bapa, menunjukkan bapa dilaporkan kurang berkomunikasi dengan anak mereka berbanding ibu dari keseluruhan item yang telah dikemukakan. Perbezaan ini memberi implikasi kurangnya tumpuan yang diberikan oleh bapa terhadap komunikasi dengan anak mereka. Anak-anak akan berpendapat bahawa bapa mereka kurang memberi perhatian dan keperihatinan. Kesan yang timbul ialah anak-anak akan mencari jalan untuk memenuhi pengisian kasih sayang bapa dari sumber lain. Untuk itu, dicadangkan supaya bapa dapat mempertingkatkan tahap komunikasi mereka dengan anak-anak bagi memenuhi tuntutan dan keperluan anak-anak bersama dengan ibu.

RUJUKAN

- Aiken, L.R., (2000). *Psychological testing and assessment*. Boston : Alyn Bacon.
- Barnes, H.L., & Olson, D.H., (1985). Parent adolescent communication and the circumplex model, *Child Development*
- Che Radziah Yaacob, (1992). Kajian Perbandingan Faktor Personaliti dan Keluarga Terpilih Di kalangan Remaja Yang Ibunya Bekerja dengan Remaja yang Ibunya Tidak Bekerja. *Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan*, Universiti Putra Malaysia.
- Dubbe, M.C., (1965). *Family life coordinator*, v.14, n 2 (1965), Portland; Council on Sosial Hygienic and Family Life.
- Hall, J.A., (1987). Parent adolescent conflict : An empirical review, *Adolecent* v.22, n 88, p 767-789.
- Mad Daluis Sadani, (1990). *Pemupuk nilai murni (kasih sayang) di kalangan warga muda Malaysia*. Kertas Kerja yang dibentangkan di seminar Kaunseling dan Kemanusiaan ke 2, Universiti Pertanian Malaysia pada 15-16 Disember.
- Noller, P., & Bagi, S., (1985). Parent-adolescent communication, *Journal of Adolescence* 1985, 8, p125-144.
- Noller, P., & Callan, V.J., (1990). Adolescent's perception of the nature of their communication with parent, *Journal of Youth and Adolescence* v.19, n. 4, 1990, p 349-362.
- O' Donnell, J.A., & Clayton, R.R., (1979). *Determinant of early marihuana use, in youth drug abuse / problem issues and treatment*.
- Siti Nora Yaacob, Abdullah Al-Hadi Hj. Muhammad & Mastura Kamarudin (1994). Faktor-Faktor Keluarga Dan Tingkah laku Tidak Bermoral di kalangan Remaja, *Jurnal Jabatan Antroplogi dan Sosiologi*,. Universiti Malaya, Jilid 9, 1994, p. 125-141.